

**POLA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM
KALANGAN REMAJA DI
KAMPUNG BUKIT QUOIN,
TAWAU SABAH.**

SYAHFIQKA BINTI BAKRI

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH 2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGAKUAN STATUS TESIS

JUDUL : **POLA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN
REMAJA DI KAMPUNG BUKIT QUOIN TAWAU, SABAH.**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **SYAHFIQKA BINTI BAKRI**, sesi **2019/2020**, mengakumembenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

SYAHFIQKA

SYAHFIQKA BINTI BAKRI

BA19110410

Tarikh: 12 Ogos 2022

Disahkan Oleh,



ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(DR. AISAH MERI)

Penyelia

PENGAKUAN PELAJAR

Saya yang bernama Syahfiqka binti Bakri mengakui bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian Komunikasi yang bertajuk "Pola Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Di Kampung Bukit Quoin, Tawau Sabah" adalah atas usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan ringkas dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

SYAHFIQKA

12 Ogos 2022



Syahfiqka binti Bakri
(BA19110410)

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

NAMA: SYAHFIQKA BINTI BAKRI

NO. MATRIK: BA19110410

TAJUK: POLA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA DI KAMPUNG BUKIT
QUOIN TAWAU SABAH

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (KOMUNIKASI)



DISAHKAN OLEH,

1. PENYELIA UTAMA,

Tandatangan

Dr. Aisah Meri

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Aisah Meri', is enclosed in a rectangular box. Below the box is a horizontal line for a signature.

2. PENYELIA BERSAMA (Jika ada)

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana dengan berkat dan keizinan dariNya pengkaji mampu untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Tujuan penulisan tesis ini dijalankan adalah untuk memenuhi syarat bergraduasi dan pengkaji berharap agar kajian ini mampu untuk memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada para pembaca dan pengkaji pada masa hadapan terutamanya pelajar dalam program hubungan industri.

Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan mengalungkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Aisah Meri selaku penyelia pengkaji dalam kajian ini. Kesudian dan kesabaran beliau dalam memberi sokongan dari segi ilmu pengetahuan, nasihat dan juga idea berkenaan dengan kajian ini amatlah saya hargai walaupun beliau agak sibuk dengan komitmen yang lain, namun beliau tetap memberi tunjuk ajar dan membimbing pengkaji untuk menyiapkan penulisan tesis ini dengan lancar. Tidak lupa juga kepada pensyarah komunikasi lain yang membantu saya dengan perkongsian ilmu, maklumat dan pengalaman mereka sepanjang menjalankan kajian ini.

Pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu ayahanda tercinta Encik Bakri bin Baba dan bonda tersayang Puan Rahmatiah binti Rahim yang turut membantu dari segi dorongan bagi menguatkan semangat dan sumber kewangan, moral mahupun lisan sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga buat rakan-rakan yang terlibat bersama dalam perkongsian idea dan bantuan yang diberikan sepanjang menjalankan kajian ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga kepada semua responden kerana dapat memberi kerjasama yang baik dan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas jasa baik anda semua.

Syahfiqka Bakri

12 Ogos 2022

Abstrak

Penggunaan media sosial pada masa kini telah memberi impak yang sangat terkesan kepada pembentukan tingkah laku manusia kerana penggunaan media sosial yang menjadi suatu trend kepada masyarakat kini. Kepesatan teknologi kini menyebabkan masyarakat khususnya para remaja berlumba-lumba dalam menggunakan media sosial seperti Instagram, facebook, twitter dan sebagainya kerana medium media sosial ini banyak memberi kemudahan kepada pengguna untuk mendapat sumber maklumat terkini mengenai isu semasa. Walaubagaimanapun, penggunaan media sosial yang tidak terkawal sudah pasti akan menjerumus golongan ini kepada perubahan tingkah laku negatif. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kawasan Kampung Bukit Quoin. Di samping itu, objektif kajian diikuti dengan objektif untuk mengenalpasti kegunaan dan kepuasan daripada penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin, Tawau Sabah. Bagi menjalankan kajian, metod berbentuk kuantitatif akan digunapakai iaitu edaran borang soal selidik ke atas 100 orang remaja di Kampung Bukit Quoin bagi mendapat data yang lebih tepat untuk menjawab persoalan berkaitan pola penggunaan media sosial ke atas remaja di Kawasan Kampung Bukit Quoin, Tawau Sabah.

Kata Kunci: Keperluan, kegunaan, kepuasan, remaja, media sosial.

Abstract

The use of social media nowadays has had a great impact on the formation of human behavior because the use of social media has become a trend in today's society. The speed of technology now causes society, especially teenagers, to race to use social media such as Instagram, Facebook, Twitter and so on because this social media medium provides a lot of convenience for users to get the latest information on current issues. However, the uncontrolled use of social media will definitely lead this group to negative behavior changes. The main purpose of this study is to identify the need to use social media among teenagers in Kampung Bukit Quoin Area. In addition, the objective of the study was followed by the objective to identify the usefulness and satisfaction from the use of social media among teenagers in Kampung Bukit Quoin, Tawau Sabah. In order to carry out the research, a quantitative method will be used, which is the distribution of a questionnaire to 100 teenagers in Kampung Bukit Quoin to get more accurate data to answer questions related to the pattern of social media use among teenagers in the Kampung Bukit Quoin Area, Tawau Sabah.

Keywords: Needs, uses, satisfaction, teenagers, social media.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	I
BORANG PENGAKUAN STATUS TESIS	ii
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	Viii-x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	1-6
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	2-3
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Signifikan Kajian	4
1.7 Skop Kajian	5
1.8 Kesimpulan	6
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	7-22
2.1 Pengenalan	7
2.2 Sejarah Perkembangan Teori	7-8
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	9-12
2.4 Model Kajian	13
2.5 Pengkonsepan	13-14
2.5.1 Jantina	14

2.5.2 Umur	14
2.5.3 Tahap Pendidikan	15
2.5.4 Status Pekerjaan	15
2.5.5 Keperluan Kognitif	15-16
2.5.6 Keperluan Afektif	16
2.5.7 Penyepaduan sosial	16-17
2.5.8 Pelepasan Diri	17
2.5.9 Pencarian Maklumat	18
2.5.10 Identiti Personal	18-19
2.5.11 Hiburan	19
2.5.12 Tabiat	19
2.5.13 Pengawasan	20
2.5.14 Perbincangan Interpersonal	20
2.5.15 Interaktiviti	20-21
2.5.16 Mudah	21
2.6 Kesimpulan	22
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	23-30
3.1 Pengenalan	23
3.2 Populasi dan Persampelan	24
3.3 Tatacara Pengumpulan Data Kajian	24-25
3.4 Pengoperasian	25-27
3.5 Kebolehpercayaan dan kesahihan	27-29
3.6 Kesimpulan	30

BAB 4 : HASIL KAJIAN	31-51
4.1 Pengenalan	31
4.2 Analisis Deskriptif	31
4.2.1 Profil Demografi	32-34
4.2.2 Penggunaan Media Sosial	34-36
4.2.3 Keperluan Penggunaan Media Sosial	36-41
4.2.4 Kegunaan Penggunaan Media Sosial	41-46
4.2.5 Kepuasan Penggunaan Media Sosial	46-50
4.3 Kesimpulan	51
BAB 5 : PERBINCANGAN DAN GENERALISASI	52-58
5.1 Pengenalan	52
5.2 Perbincangan Penemuan	52-56
5.3 Perbincangan Teoritikal Kajian	56
5.4 Batasan Kajian	57
5.5 Cadangan Kajian	57
5.6 Kesimpulan	58
RUJUKAN	59-61
LAMPIRAN	62-75

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.4.1 Senarai Instrumen Kajian	26
Jadual 3.4.2 Pemilihan Jawapan Sala Likert	27
Jadual 3.5.1 Jadual Interpretasi Skor Alpha Cronbach	29
Jadual 3.5.2 Nilai Kebolehpercayaan Keperluan, Kegunaan dan Kepuasan	29
Jadual 1: 4.2.1 Jantina Responden	32

Jadual 2: 4.2.1 Umur Responden	32
Jadual 3: 4.2.1 Pendidikan Responden	33
Jadual 4: 4.2.1 Pekerjaan Responden	33
Jadual 5: 4.2.2 Purata Penggunaan Media Sosial Sehari	34
Jadual 6: 4.2.2 Kekerapan Mengakses Jenis Media Sosial	35
Jadual 7: 4.2.2 Kekerapan Penggunaan Jenis Gajet	36
Jadual 8: 4.2.3 Keperluan Penggunaan Media Sosial Remaja	37
Jadual 9 4.2.3 Keperluan Kognitif	37
Jadual 10 4.2.3 Keperluan Afektif	38
Jadual 11: 4.2.3 Keperluan Penyepaduan Sosial	39
Jadual 12: 4.2.3 Keperluan Pelepasan Diri	40
Jadual 13: 4.2.4 Kegunaan Penggunaan Media Sosial Remaja	41
Jadual 14: 4.2.4 Kegunaan Pencarian Maklumat	42
Jadual 15: 4.2.4 Kegunaan Identiti Personal	43
Jadual 16: 4.2.4 Kegunaan Hiburan	44
Jadual 17: 4.2.5 Kegunaan Tabiat	45
Jadual 18: 4.2.5 Kepuasan Penggunaan Media Sosial Remaja	47
Jadual 19: 4.2.5 Kepuasan Interaktiviti	47
Jadual 20: 4.2.6 Kepuasan Pengawasan	48
Jadual 21: 4.2.5 Kepuasan Perbincangan Interpersonal	49
Jadual 22: 4.2.5 Kepuasan Mudah	50

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1: Model Kajian Uses and Gratifications (U&G)	16-17



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

U&G - Kegunaan dan Kepuasan

SD - Standard Deviation

F – Kekerapan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Borang Soal Selidik (Googleform)	62-75



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Pada era globalisasi kini, perkembangan teknologi menjadi suatu hal yang sangat memberi impak kepada masyarakat kini dari segi hubungan komunikasi antara individu. Masyarakat pada hari ini sememangnya banyak menerima kemudahan kesan daripada kemajuan teknologi iaitu yang paling utama kemudahan internet dan secara tidak langsung telah memperkenalkan pelbagai jenis aplikasi media sosial. Kepesatan teknologi melalui penggunaan internet ini telah mempengaruhi cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain (Lee-post, 2009). Di samping itu, kemajuan teknologi dengan kemudahan internet ini telah memperkenalkan aplikasi media sosial yang mana ia terdiri daripada pelbagai jenis saluran media menarik dan mudah digunakan oleh masyarakat kini sebagai contoh Facebook, Whatsapp, Instagram, Youtube dan lain lagi. Penggunaan media sosial ini adalah tidak asing lagi kepada masyarakat kini tanpa mengira usia atau muda, namun pengguna remaja merupakan pengguna paling aktif dan sangat menggemari menggunakan media (Azila Zaini, 2014). Tidak dapat disangkal bahawa populariti media sosial ini menjadi tumpuan masyarakat khususnya remaja ekoran dengan kemudahan media sosial yang mana mudah untuk diakses hanya menggunakan telefon pintar.

Kepesatan daripada teknologi komunikasi ini juga telah meningkatkan tingkat penggunaan internet dengan lebih meluas dalam komunikasi harian khususnya interaksi yang berlaku melalui atas talian (online interaction). Lanjutan daripada itu, internet ini akan memberi ruang kepada pengguna kerana medium media sosial ini memberikan kemudahan perolehan ruang perniagaan, penyebaran maklumat pantas, portal hiburan, permainan video, laman web rangkaian sosial, email dan sebagai dalam internet (Severin, 2001). Selain itu, media sosial merupakan aplikasi yang mana menggunakan teknologi Web 2.0 yang akan memberi peluang kepada pengguna bagi

penghasilan bahan-bahan dalam kepelbagaian bentuk seperti teks, audio, video yang dapat dikongsi kepada pengguna lain (Rezal,2016). Menurut Mohammad Rezal lagi, media sosial ini dikatakan sebagai aplikasi yang mana dapat menggabungkan fungsi sosial itu dalam membentuk kerjasama, perkongsian, kebebasan dan keterbukaan. Begitu banyak penyelidikan yang dilakukan berkenaan dengan penggunaan media sosial ini disebabkan kepentingannya yang begitu penting untuk manusia. Sehubungan itu, penggunaan media sosial ini dilihat mendapat sambutan hangat bagi golongan remaja atas faktor pendorong mereka menggunakan media ini. Penggunaan media sosial bagi golongan muda telah menjadi cara hidup dan aktiviti peribadi yang dilakukan oleh mereka.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini penggunaan media sosial adalah sangat tidak asing lagi kepada manusia. Dalam kajian ini, dapat dilihat bahwa para remaja merupakan pengguna media yang paling aktif (Blumler & Katz, 1974). Penggunaan media yang melampau sememangnya dapat memberi impak kepada remaja atas kecenderungan penggunaannya. Penyalahgunaan media sosial merupakan isu utama yang mana ia dapat mempengaruhi tingkah laku remaja dan kemungkinan akan meruntuhkan akhlak remaja hari ini. Media sosial merupakan medium yang banyak menawarkan platform kemudahan untuk berkomunikasi secara atas talian dan juga sumber hiburan kepada remaja melalui platform seperti Youtube dan facebook misalnya dan disebabkan itulah penggunaan media sosial kini adalah menjadi kepentingan kepada penggunan khususnya remaja iaitu pengguna media paling aktif. Penggunaan media sosial ini juga semakin meningkat dalam kalangan remaja kerana adanya kepelbagaian media sosial elektronik iaitu perkakasan (gadget) yang dibekalkan dengan adanya kemudahan internet tanpa had dan hal ini secara tidak langsung memberi impak kepada tahap penggunaan media sosial itu sendiri sehingga dapat memberi perubahan kepada tingkah laku remaja kini.

Di samping itu, remaja hari ini mudah terkesan dan terpengaruh kesan daripada perubahan globalisasi dalam perkembangan teknologi telekomunikasi dan media sosial yang mana banyak memberi liputan di setiap pelosok dunia tanpa sempadan. Tiada pemantauan

se wajarnya dilakukan daripada pihak bertanggung jawab dan ini akan menyebabkan remaja ini akan mudah terdedah dengan unsur-unsur negatif. Tambahan lagi, kepesatan teknologi ini telah memperkenalkan pelbagai aplikasi dalam saluran media yang menarik perhatian remaja itu sendiri seperti permainan atas talian seperti PUBG, Mobile Legend dan sebagainya. Seterusnya, remaja yang tidak gemar akan hiburan mudah untuk terikut dengan trend dan budaya barat yang dibawa dalam industri muzik iaitu, muzik video yang akan mempengaruhi minda dan tingkah laku remaja secara tidak langsung dan ini adalah dikenali sebagai budaya hedonisme yang bermaksud mementingkan keseronokan dan kesenangan melalui hiburan yang diterima.

Akibat daripada penggunaan media sosial yang berlebihan ini dapat memberi impak yang mendalam terhadap tingkah laku remaja dalam kehidupan kerana platform media yang banyak menyediakan kemudahan dan hiburan kepada pengguna. Secara realitinya, remaja kini lebih menggunakan perkakasan (gadget) melalui media sosial untuk mendapatkan maklumat dan hiburan dalam rutin harian mereka berbanding pembacaan bahan bercetak. Oleh itu, masalah yang timbul terhadap remaja pada hari ini berkaitan penggunaan media sosial perlu diberi perhatian sewajarnya untuk mengelak daripada berlakunya pengaruh tingkah laku negatif dalam diri remaja itu sendiri kesan penggunaan media sosial yang berlebihan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah merumuskan tiga objektif kajian, iaitu:

1. Menenalpasti keperluan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin, Tawau, Sabah.
2. Menenalpasti kegunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin, Tawau, Sabah.
3. Menenalpasti kepuasan pengguna media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin Tawau, Sabah.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah keperluan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin, Tawau, Sabah.
2. Apakah kegunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin, Tawau, Sabah.
3. Apakah kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin Tawau, Sabah.

1.5 SIGNIFIKAN KAJIAN

Berdasarkan daripada kajian yang ingin dilaksanakan iaitu berkaitan keperluan, kegunaan dan kepuasan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin, pengkaji ingin mengetahui factor-faktor yang telah mendorong kepada kegunaan media sosial itu sendiri kepada remaja. Justeru itu, teori kegunaan dan kepuasan (U&G) adalah sangat bersesuaian untuk menjadi kerangka kepada pelaksanaan kajian. Kajian ini juga akan menjawab persoalan iaitu sejauhmana kegunaan media sosial ini akan memberi kepuasan kepada pengguna khususnya remaja. Teori kegunaan dan kepuasan (U&G) juga merupakan asas dalam kajian ini untuk memberi jawapan yang tepat terhadap persoalan yang ingin dikaji.

Pola penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Kampung Bukit Quoin menjadi tajuk pilihan pengkaji kerana perkara ini sangat sehati dalam kehidupan manusia kini dan ia sangat sesuai untuk dikaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan bagaimana media sosial ini berfungsi kepada manusia sehingga kegunaannya sangat menjadi suatu kepentingan kepada lapisan masyarakat kini. Namun kajian ini lebih tertumpu kepada remaja kerana, remaja merupakan pengguna aktif dalam media sosial dan sangat menggemari menggunakan media (Azila Zaini, 2014).

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk memberi tumpuan kepada penggunaan media sosial terhadap kepuasan remaja. Selain itu, pengkaji ingin mengenalpasti keperluan penggunaan media sosial dan bentuk kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja dengan lokasi kajian di Kampung Bukit Quoin Tawau, Sabah. Bagi membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan memerlukan seramai 100 orang responden golongan remaja lelaki atau perempuan bagi proses pengumpulan data dan maklumat responden. Pengkaji hanya memilih 100 sampel melalui edaran soal selidik secara atas talian ekoran keadaan yang terikat dengan keadaan pada masa kini bagi mengikut prosedur kendalian standard (SOP).

1.7 KESIMPULAN

Media sosial sememangnya banyak memberi kemudahan kepada masyarakat kini khususnya para remaja atau golongan muda untuk mendapat maklumat, berkomunikasi secara maya, berkongsi maklumat di media sosial dan sebagainya. Tujuan utama media sosial ini diperkenalkan adalah untuk memberi kemudahan kepada pengguna itu sendiri, walhal pada masa kini berlaku transformasi yang mana bukan sekadar bertindak sebagai penyebar maklumat malah aktiviti hiburan yang baik juga buruk diperolehi oleh pengguna mengikut cara penggunaannya. Media sosial memiliki potensi yang agak besar berkaitan penyaluran nilai positif dan pemberi maklumat yang benar. Oleh yang demikian, media sosial ini seharusnya digunakan dengan tujuan yang baik bagi memperolehi manfaat dan bukan digunakan untuk perkara negatif yang akan merosakkan seseorang itu sehingga memberi kemudahan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan kesan negatif media sosial yang mana ia akan membazirkan masa seseorang terutamanya remaja kini yang gemar melayari laman web untuk bermain permainan atas talian misalnya. Hal sedemikian berlaku kerana kemudahan yang wujud daripada kewujudan telefon pintar dan rangkaian internet untuk melayari laman sosial ini dan secara tidak langsung seseorang itu akan menghabiskan masa yang lama dengan penggunaan media sosial ini. Sebagaimana yang dapat dilihat, sekiranya seorang individu itu kerap menggunakan media sosial berlebihan tanpa had, mereka akan terdedah kepada ketagihan.

Di samping itu, dapat dilihat kini remaja gemar untuk menggunakan media sosial untuk mendapat hiburan kerana golongan ini lebih bersifat hedonism yang suka akan keseronokan. Khusus kepada remaja wanita yang mana golongan ini gemar untuk membuat pembelian atas talian dengan aplikasi Shopee, menonton drama seperti K-drama dan mendengar lagu seperti K-pop. Adalah menjadi suatu trend pada masa kini remaja gemar mencari hiburan di media sosial untuk kepuasan mereka dalam menggunakan media. Tuntasnya disini, penggunaan media sosial ini banyak memberi kesan positif kepada pengguna, namun tanpa disedari kesan negatif juga turut meningkat kesan daripada penyalahgunaan media sosial sehingga dapat mempengaruhi tingkah laku remaja.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G) merupakan teori yang penting dan berfungsi untuk menjalankan penyelidikan yang berbentuk kuantitatif. Hal ini ini kerana, menurut Babbie (2001) teori kegunaan dan kepuasan mampu memberikan arah kepada sesuatu penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan teori sebagai satu panduan dalam melaksanakan penyelidikan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat. Selain itu juga, bab ini akan memuatkan dapatan kajian-kajian lepas yang mana telah dijalankan oleh pengkaji sebelumnya khususnya dalam kajian penggunaan media sosial dan interaksi ruang maya. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian lepas kebanyakann kajian lebih tertumpu kepada sejauh mana sesutatu maklumat yang disebarakan melalui media akan mempengaruhi sikap seseorang sehingga memberi impak kepada peribadi dan persekitaran. Oleh yang demikian, dalam kajian ini teori kegunaan dan kepuasan (U&G) diaplikasikan.

2.2 EVOLUSI TEORI KEGUNAAN DAN KEPUASAN (U&G)

Teori yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini adalah teori kegunaan dan kepuasan (Uses and Gratification) yang mana teori ini dicipta pada awal 1940-an oleh Katz dan Blumler (1974). Dalam teori terdapat pemahaman bahawa mengapa individu atau masyarakat menggunakan media dan apakah keperluan mereka menggunakan serta kepuasan yang diperoleh

kesan daripada kepenggunaannya. Selain itu, mengikut sejarah sebelumnya, teori ini pada mulanya diperkenalkan adalah untuk memahami orang atau pengguna memilih untuk menggunakan pelbagai bentuk media. Mengikut pemikiran para sarjana, terdapat beberapa andaian daripada penggunaan media dalam kehidupan manusia iaitu penggunaan media ini adalah berorientasikan matlamat iaitu penggunaan yang dipandu dengan matlamat dan tujuan tertentu samada untuk kepuasan atau keperluan tertentu.

Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G) adalah salah teori yang dapat dilihat telah lama diperkenalkan iaitu tahun 1940-an walaupun bagaimanapun teori ini masih relevan untuk digunakan dalam mengkaji suatu tinjauan berkaitan media khususnya. Hal ini kerana, media dikatakan semakin menjadi trend penggunaan masyarakat kini dalam menjalankan aktiviti seharian. Selain itu, teori ini adalah lebih kepada penggunaan pendekatan yang mana ingin memahami tingkah laku pengguna yang aktif terhadap pengguna media. Menurut Lee et al., (2016) teori ini juga asas teoritikal yang tertumpu kepada khalayak media aktif atau pengguna aktif media yang mana menggunakan media untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Justeru, para pengguna media dilihat menggunakan media dengan kepelbagaian jenis media di samping mempunyai tujuan yang berbeza kerana setiap media memberikan kepuasan mengikut cara penggunaan pengguna itu sendiri.

Selain itu, teori ini kegunaan dan kepuasan (U&G) telah dinyatakan oleh Elihu Katz buat pertama kalinya yang telah menekankan bukan pada apa yang dilakukan oleh khalayak (what media do to people) akan tetapi apa yang telah dilakukan khalayak kepada media (what people do to media). Melalui kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa pengguna ini sememangnya menggunakan media secara aktif bagi memenuhi kepuasan dan kehendak mereka. Secara amnya, teori ini menerangkan bahawa manusia yang merupakan pengguna media ini akan mencapai tahap kepuasan yang tertentu dalam menggunakan media seperti kepuasan hiburan individu, mencari maklumat atau isu semasa, melepaskan tekanan emosi, mengisi masa lapang dan sebagainya mengikut kadar capaian kepuasan dan kehendak individu itu sendiri. Teori ini juga dapat dikukuhkan lagi bilamana penyelidik barat Debatin et., al (2009) berpendapat bahawa laman web sosial Facebook akan memberikan tahap kepuasan yang tinggi kepada pengguna dari segi dimensi keperluan untuk hubungan dan keperluan untuk pembinaan identiti.

2.3 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Severin, (2001) menyatakan bahawa kemunculan internet telah memberi perubahan besar dalam komunikasi kerana kepelbagaian media baru, internet dianggap medium terpenting dalam kehidupan manusia kini. Walaubagaimanapun, internet juga dianggap salah satu yang berkemungkinan akan membahayakan masyarakat keseluruhannya (Verger, 2009). Namun, penggunaan internet sangat penting dalam konteks komunikasi kini kerana pelbagai aplikasi yang akan memberi kemudahan kepada masyarakat untuk berkomunikasi melalui penggunaan pelbagai media sosial seperti Facebook, twitter, Instagram dan lain-lain. Menurut Putnam (2000), beliau mengetengahkan dari sudut pandangan sosiologi bahawa meningkatkan teknologi media baru iaitu internet menyebabkan berlakunya pengurangan penglibatan masyarakat bagi aktiviti sosial dan lebih kepada penyendirian aktiviti masa lapang. Hal ini kerana, fenomena perubahan alaf baru iaitu kecanggihan internet telah mencetus fenomena keterlibatan interaksi manusia di ruang maya sahaja.

Sehubungan itu, menurut Wellman et.al (2001) turut memberi penjelasan bahawa penggunaan internet adalah rutin kepada aktiviti seharian dan rangkaian laman web sosial menjadi destinasi paling popular dalam kalangan masyarakat kini. Hal ini juga dibuktikan lagi dengan kadar penggunaan media sosial Facebook yang menjadi trend sebagai alat interaksi sosial, identity peribadi dan pembinaan rangkaian dalam kalangan pelajar (Debatin et.al, 2009). Kajian sebelumnya daripada Debatin et.al (2009) menyatakan berkaitan isu privasi yang mana aspek dan kelakuan dalam laman media sosial seperti Facebook. Kajian mendapati bahawa penggunaan media sosial ini akan berdepan dengan risiko pendedahan identity peribadi termasuklah gambar-gambar yang dimuatnaik dan akan mungkin disalin semula oleh pihak yang berniat tidak baik. Dalam hal ini, pengguna media seharusnya memainkan peranan untuk bijak dalam menggunakan media sosial agar mengelak berlakunya isu privasi ini.

Seterusnya, Terdapat beberapa kajian terdahulu berkaitan penggunaan media sosial terhadap remaja itu sendiri yang mana telah mempengaruhi tingkah laku remaja secara tidak langsung. Media sosial ini merupakan instrumen sosial dalam berkomunikasi dan juga media online dan pengguna boleh berkomunikasi dengan mudah melalui jaringan sosial seperti facebook, twitter, Instagram dan banyak lagi. Boyd, (2007) telah mentakrifkan laman rangkaian sosial membolehkan pengguna itu membangunkan profil peribadi, membaca dan bertindak balas

terhadap status yang dimuat naik oleh pengguna lain di laman web. Selain itu, rangkaian sosial seperti facebook misalnya bertindak sebagai penghubung antara pengguna untuk kekal berkomunikasi walaupun secara realitinya tidak mengenali si pengguna profil facebook tersebut. Lenhart, (2010) menyatakan bahawa remaja menggunakan laman media sosial ini sekurang-kurangnya sekali sehari. Tambahan lagi, golongan remaja ini menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan, keluarga dan juga orang yang tidak dikenali dan ini akan mencipta cara baru untuk orang ramai berinteraksi dengan orang lain dengan mengambil kesempatan daripada teknologi ini (Lenhart, 2010).

Selain itu juga, kajian oleh Notley (2009) menyatakan bahawa penggunaan media sosial akan memberi kemudahan kepada individu untuk berkomunikasi di ruang maya dan ini sekaligus dapat mengekalkan hubungan dengan rakan, keluarga atau rakan sekerja menerusi emel, laman web sosial iaitu chatting dan mesej segera. Dalam pada itu, kajian daripada Ridings (2006) turut menyentuh perkara berkenaan komuniti penggunaan ruang maya yang mana terdapat aspek pendorong peningkatan penggunaan media sosial ini antaranya, persahabatan, motivasi dan sokongan sosial. Beberapa kajian juga turut mendukung pernyataan ini bilamana manusia menggunakan media sosial dan berinteraksi secara ruang maya untuk mencari kenalan baru (Watsaon,1972).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Bank & Tat (2014) mereka mendapati bahawa remaja yang terlibat dalam media sosial ini lebih cenderung untuk mengenali rakan baharu melalui aplikasi yang mereka gunakan. Sebagai contoh Facebook merupakan platform media sosial yang terbesar digunakan oleh ramai orang untuk berkongsi perasaan dan pandangan mereka. Pengguna media sosial ini kebanyakan melakukan sikap yang tidak senonoh dan menunjukkan sikap yang tidak baik dan juga gangguan seksual. Kesan daripada ini, remaja akan mudah terpengaruh dengan perlakuan sedemikian kerana remaja merupakan golongan aktif menggunakan media dan bilamana mereka sering melihat perkara sebegini secara tidak langsung ia akan mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku remaja itu. Tambahan lagi, kini ramai remaja perempuan melahirkan anak luar nikah hasil perzinahan yang hanya bermula daripada rangkaian sosial media (Sitiezaliela, 2016).

Jamiah Manap (2016) dalam kajiannya mendapati bahawa media sosial digunakan secara meluas oleh remaja generasi Z dengan pelbagai tujuan. Penggunaan media sosial ini didapati bukan hanya membawa kepada implikasi positif seperti pengukuhan perhubungan, bakat dan